KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

E-KERATAN
AKHBAR HARIAN

12 - 13 FEBRUARI 2023

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

www.rurallink.gov.my | Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah | kkdw_gov | kkdw_gov | KKDW_GOV Official | kkdw_govofficial

TARIKH:
12 FEBRUARI 2023

HALAMAN:
8

ONLINE

Utusan ☐
Berita Harian ☒
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 ☐
東方日報 ☐
Utusan Borneo ☐
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐



Ahmad Zahid dan Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang serta Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Seri Ramlan Harun bergambar bersama sebahagian penuntut selepas Majlis Konvokesyen Ke-19 UniKL di WTC, Kuala Lumpur, semalam. (Foto Genes Gulitah/BH)

'Tiada lagi keciciran pelajar lepasan SPM'

Kerajaan jamin beri peluang sambung pengajian dalam pelbagai lapangan

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan akan memastikan tiada lagi keciciran dalam kalangan anak muda lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi, kata Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, mereka akan terus diberi peluang menyambung pengajian dalam pelbagai lapangan kursus serta pendidikan, khususnya dalam bidang kemahiran dan teknikal.

Beliau yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, kementeriannya beruntung mempunyai universiti sendiri, iaitu Universiti Kuala Lumpur (UniKL) serta Kolej Universiti Poly-Tech MARA (KUPTM) yang kini sudah dinaik taraf kepada Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM).

"Sebagai kementerian dan agensi yang bertanggungjawab dalam pembangunan sosioekonomi masyarakat luar bandar, terutama Bumiputera, kita perlu terus berusaha dan memastikan tidak lagi berlaku keciciran dalam kalangan lepasan SPM untuk melanjutkan pelajaran.

"Kita perlu pastikan tiada sesiapa tertinggal di belakang. Jangan ada prasangka mereka yang dianggap tercicir dalam bidang akademik, termasuk bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) tidak ada peluang dan masa depan. UniKL sudah membuktikan mereka juga aset kepada negara dan mampu untuk cemerlang," katanya.

Beliau yang juga Pro Canselor UniKL berkata demikian ketika menyampaikan ucaptama pada Majlis Konvokesyen Ke-19 UniKL di Pusat Dagangan Dunia (WTC) di sini, semalam.

Perbanyakkan program

Ahmad Zahid berkata, adalah tidak mustahil seorang pelajar daripada program persijilan dari GIATMARA atau Kolej Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (Kolej KEDA) dapat meneruskan pengajian ke peringkat diploma di IKM atau PERDA-Tech dan seterusnya melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah (PhD) di UniKL.

"Pemurnian kurikulum antara UniKL dan Institut Kemahiran MARA (IKM), Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) dan MARA Japan Industrial Institute (MJII) sudah berjaya menghasilkan program 'three plus two' (3+2).

"Pelajar IKM, KKTM dan MJII hanya perlu mengikuti dua tahun pengajian peringkat sarjana muda selepas mengikuti program diploma selama tiga tahun di IKM, KKTM dan MJII dengan perpindahan kredit maksimum 50 peratus ke program sarjana muda.

"Program sebegini perlu diperbanyakkan dan dipromosikan dalam kalangan lepasan SPM," katanya sambil menambah kerajaan terus menyokong MARA dan UniKL dalam penawaran program modal insan yang berimpak tinggi, seterusnya menjamin peluang pekerjaan atau pilihan menjadi seorang usahawan.

TARIKH:
12 FEBRUARI 2023

HALAMAN:
6

ONLINE

CHINA PRESS

Utusan Malaysia ☐
Berita Harian ☐
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 ☐
東方日報 ☐
Utusan Borneo ☐
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐

Zahid promises to the SPM students in village areas; Ensure they can go to study higher education institutions

扎希承諾鄉區SPM學生
確保能到高等學府升學

（吉隆坡11日讯）副首相兼乡村及区域发展部长拿督斯里阿末扎希承诺，该部将确保乡区学生，尤其是大马教育文凭（SPM）考生在毕业後，能到高等学府升学。

他指出，这是乡村及区域发展部为提升乡区民众社会经济地位所肩负的责任之一，同时也希望那些在技职学院就读的学生，也获得前往高等学府升学的机会。

“我们（乡村及区域发展部）必须确保没有人在教育方面落後其他人。

“民众也不要认为，就读技职学院的学生都是辍学者或失学者，即没有机会也没有未来，吉隆坡大学已证明这些学生都是国家资产，并且有能力做出良好表现。”

阿末扎希是在今日出席吉隆坡大学毕业典礼时，这麼指出。

他说，从2016年至去年为止，共有280名吉隆坡大学毕业生前往24个国家工作，证明了该大学毕业生水准受到世界公认，并为政府培养高收入技职人才的努力立下汗马功劳。



■优异的学生。阿末扎希（左）颁发校长奖给表现

吉隆坡大学此次共有5834名毕业生，其中23人获得博士文凭、151人获硕士文凭和4299人获学士文凭，另有1360人获文凭。

TARIKH:
12 FEBRUARI 2023

HALAMAN:
6

ONLINE

GUANG MING DAILY

Zahid: Ensuring SPM graduates continue their education, especially in the skills field

扎希：尤其技能领域

確保SPM畢業生續升學

（吉隆坡11日讯）副首相兼乡村及区域发展部长拿督斯里阿末扎希说，政府将确保大马教育文凭（SPM）毕业生可继续升学，不会再有年轻人辍学。

阿末扎希今早为吉隆坡大学（UniKL）第19节毕业典礼开幕时表示，作为负责乡村社会经济发展，尤其是上著社会的部门和机构，须继续努力和确保年轻人继续升学，并要确保没人会被遗漏。

阿末扎希也是吉隆坡大学名誉校长，他提及，SPM毕业生将有机会在各个课程和教育领域继续学习，尤其是在技能和技术领域。

他希望看到乡村区域部旗下教育机构的学生，尤其是技职教育（TVET）的学生有机会继续升学，从证书文凭到取得博士学位。

乡区部拥3所大学

“乡村区域部很幸运，因为是除了高教部外，唯一拥有三所大学的部门。”

阿末扎希强调，请不要先入为主的认定那些在学术领域，包括技职教育被视为辍学的人没机会和未来，吉隆坡大学已证明他们是国家资产，能发光发热。

他提到，从玛拉促进中心（GiatMara）或吉打区域技术教育培训学院（Kolej KEDA）毕业的学生，要到玛拉技术学院（IKM）或槟州区域发展机构高科技学院（Perda Tech）进修文凭课程，然后继续在UniKL攻读学士、硕士和博士学院并非不可能的事。

出席毕业典礼者尚有乡村发展部副部长拿督鲁比雅、秘书长拿督斯里南兰哈伦、大马人民信托局（MARA）总监拿督斯里阿兹哈和吉隆坡大学主席兼首席执行员拿督罗兹雅奥玛等。（TKM）



■阿末扎希（左二）颁发毕业证书给吉隆坡大学的毕业生。

TARIKH:
12 FEBRUARI 2023

HALAMAN:
16

ONLINE

Utusan Malaysia ☐
Berita Harian ☐
Metro ☒
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 Nanyang Siang Pau ☐
東方日報 Oriental Daily News ☐
Utusan Borneo ☐
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐

Pastikan anak muda tidak lagi tercicir lepas SPM

Kuala Lumpur: Kerajaan akan memastikan tidak berlaku lagi keciciran dalam kalangan anak muda lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi, kata Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, mereka akan terus diberi peluang menyambung pengajian dalam pelbagai lapangan kursus serta pendidikan khususnya dalam bidang kemahiran dan teknikal.

Beliau yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, kementeriannya beruntung mempunyai universiti sendiri iaitu Universiti Kuala Lumpur (UniKL) serta Kolej Universiti Poly-Tech Mara (KUPTM) yang kini sudah dinaik taraf kepada Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM).

"Sebagai kementerian dan agensi yang bertanggungjawabp di dalam pembangunan sosioekonomi masyarakat luar bandar, terutamanya Bumiputera, kita perlu terus berusaha dan memastikan tidak lagi berlaku keciciran dalam kalangan lepasan SPM untuk melanjutkan pelajaran.

"Kita perlu pastikan *no one is left behind*. Jangan ada prasangka mereka yang dianggap tercicir dalam bidang akademik, termasuk bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) tidak ada peluang dan masa depan.

"UniKL sudah membuktikan mereka juga aset kepada negara dan mampu untuk cemerlang," katanya menyampaikan ucaptama pada Majlis Konvokesyen ke-19 UniKL di Pusat Dagangan Dunia (WTC) di sini, semalam.

Turut sama Timbalan Menteri KKDW Datuk Rubiah Wang serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif UniKL Datuk Dr Roziah Omar.

Mengulas lanjut, Ahmad Zahid berkata, tidak mustahil seorang penuntut daripada program persijilan dari Giatmara atau Kolej Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (Kolej Keda) dapat meneruskan pengajian ke peringkat diploma di IKM atau PERDA-Tech, seterusnya melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah (PhD) di UniKL.

"Pemurnian kurikulum antara UniKL dan Institut Kemahiran Mara (IKM), Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTM) dan Mara Japan Industrial Institute (MJII) sudah berjaya menghasilkan program *three plus two* (3+2)," katanya.

TARIKH:
12 FEBRUARI 2023
HALAMAN:
6
ONLINE

Utusan Malaysia ☐
Berita Harian ☐
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☒
南洋商報 ☐
東方日報 ☐
Utusan Borneo ☐
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐

HIGHER EDUCATION

Zahid: Ensure no one is left behind

KUALA LUMPUR: The Rural and Regional Development Ministry must intensify efforts to ensure that "no one is left behind" when it comes to tertiary education.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi said as the ministry responsible for the socio-economic development of rural communities, especially the Bumiputera community, it must continue to work hard and ensure that Sijil Pelajaran Malaysia school-leavers get to further their studies.

"We need to make sure no one is left behind.

"I also want to see students of educational institutions under the ministry, especially those in technical and vocational education and training institutions, further their studies, from the certificate level up to the PhD level," he said at Universiti Kuala Lumpur's 19th Convocation Ceremony here yesterday.

Zahid, who is rural and regional development minister, said the ministry was fortunate to be the only ministry, other than the Higher Education Ministry, with universities under its purview, namely UniKL and Kolej Universiti Poly-Tech Mara, which has been upgraded to Universiti Poly-Tech Malaysia.

"It is not impossible for students from GiatMara or Keda College to continue their studies from the certificate level to the diploma level at Institut Kemahiran Mara or Institut Kemahiran Tinggi Perda, and then to the Bachelor's, Master's and PhD levels at UniKL," said Zahid, who is the university's pro-chancellor.

He added that the government and the ministry would continue to support Mara and UniKL in offering high-impact human capital programmes that could guarantee graduates jobs and skills to be entrepreneurs.

"This can be seen with the RM71 million allocation under the 12th Malaysia Plan.

"It is being used to develop the latest teaching and learning equipment, such as cybersecurity, digital media, renewable energy, the European Aviation Safety Agency Professional Certificate Part 147 of Maintenance Training Organisation, as well as the Professional Signalling and Communication certificate under the Railway Signal Engineer Institute in the United Kingdom.

"These opportunities should be used by graduates to equip themselves with soft and technical skills, which are sought after by employers.

"Graduates have the opportunity to become a 'global worker' with the skills they have acquired at UniKL.

"With the expertise gained later, graduates can contribute to the progress and wellbeing of the country, UniKL and their family."

UniKL's convocation began yesterday and will end on Tuesday. It will see 5,834 graduates from the class of 2022 receiving their scrolls.

TARIKH:
12 FEBRUARI 2023

HALAMAN:
6

ONLINE

SIN CHEW DAILY

Utusan Malaysia ☐
Berita Harian ☐
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 Nanyang Siang Pau ☐
東方日報 Oriental Daily News ☐
Utusan Borneo ☐
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐

Zahid: Will no longer the young people dropout; Ensure SPM candidates continue to study



阿末扎希（前排右三）与嘉宾、吉隆坡大学的教授和毕业生合影，左起为经济部副秘书长洛曼、阿兹哈和鲁比雅，前排右起为乡村发展部副秘书长拿督仄慕拉和秘书长南兰哈伦。（陈启基摄）

扎希：不再有年輕人輟學

確保SPM畢業生續升學

（吉隆坡11日讯）副首相拿督斯里阿末扎希表示，政府将确保大马教育文凭（SPM）毕业生能继续升学，不会再有年轻人辍学的情况发生。

他说，作为负责乡村社会经济发展，尤其是土著社会的部门和机构，必须继续努力和确保年轻人继续升学。

“我们必须要确保‘没有人会被遗漏。’”

也是乡村及区域发展部长的阿末扎希今早为吉隆坡大学（UniKL）第19节毕业典礼开幕时这么说。

阿末扎希也是吉隆坡大学的名誉校长。

他指出，SPM毕业生将有机会在各个课程和教育领域继续学习，尤其是在技能和技术领域。

鼓励技职生考取更高资格

“我希望看到乡村区域部旗下教育机构的学生，尤其是技职教育（TVET）的学生有继续升学，从证书文凭到到博士。”

他说，乡村区域部很幸运，因为是除了高教部外，唯一拥有3所大学的部门。

“不要先入为主的认为那些在学术领域，包括技职教育被视为辍学的人没有机会和未来，吉隆坡大学已证明他们是国家资产，能够发光发热。”

出席毕业典礼者有乡村发展部副部长拿督鲁比雅、秘书长拿督斯里南兰哈伦、大马人民信托局（MARA）总监拿督斯里阿兹哈和吉隆坡大学主席兼首席执行员拿督罗兹雅奥玛等。

『首相年底或增選區撥款』

耐心等候財政改善

此外，针对国会议员的选区发展拨款削减，阿末扎希表示，基于国家财政吃紧，大家应该给予耐心，相信首相会今年杪或明年宣布增加拨款。

阿末扎希针对很多人要求恢复原本的拨款数额时强调，国阵了解国家财政状况，并了解到将在2月24日提呈的2023年财政预算案存在限制，从5.5%的平衡支出降至5%。

“如果国家财政状况改善的话，首相当然会增加拨款。”

他说，了解国会议员有其工作责任，背负选民很高的期望，不仅要照顾选区，还要提出直接拨款。

“由于财政上限制，我认为我们应该耐心点，首相将运用最好的判断来增加拨款，可能会是年杪或明年。”

TARIKH:
12 FEBRUARI 2023

HALAMAN:
11

ONLINE

Utusan Malaysia ☐
Berita Harian ☐
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar X
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 Nanyang Siang Pau ☐
東方日報 Oriental Daily News ☐
Utusan Borneo ☐
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐

Tiada keciciran lepasan SPM

KKDW tekad pastikan golongan itu mampu lanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi

FOTO: BERNAMA



Ahmad Zahid menyampaikan Anugerah Canselor kepada pelajar jurusan Teknologi Kejuruteraan, Maryam Farzana Mohamad Sokri pada Majlis Konvokesyen ke-19 UniKL di WTCKL pada Sabtu.

KUALA LUMPUR

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) bertekad untuk memastikan tidak berlaku keciciran dalam kalangan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), terutama masyarakat luar bandar untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, ia merupakan sebahagian daripada tanggungjawab KKDW untuk membangunkan sosioekonomi masyarakat luar bandar.

"Kita (KKDW) perlu pastikan tiada sesiapa yang 'tercicir' (dalam pendidikan)," katanya ketika berucap pada Majlis Konvokesyen ke-19 Universiti Kuala Lumpur (UniKL) di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) pada Sabtu.

Menurut Ahmad Zahid, beliau juga mahukan supaya pelajar institusi di bawah kementerian berkenaan khususnya dalam bidang berkaitan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET), diberi peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

"Jangan ada prasangka bahawa mereka dianggap *drop out* atau tercicir dalam bidang akademik dan masuk ke bidang TVET ini, tiada peluang dan masa depan. UniKL telah membuktikan bahawa mereka adalah aset negara dan mampu untuk cemerlang," ujarnya.

Ahmad Zahid berkata, pada masa ini, 280 alumni UniKL dari 2016 hingga tahun lepas bekerja di 24 negara, sekali gus membuktikan graduan UniKL diiktiraf dunia serta menyumbang kepada usaha kerajaan untuk melahirkan masyarakat berpendapatan tinggi daripada bidang TVET.

Pada Majlis Konvokesyen ke-19 UniKL yang bermula pada Sabtu hingga 14 Februari, Ahmad Zahid yang juga Pro Canselor UniKL menyampaikan ijazah doktor falsafah, sarjana, sarjana muda, diploma dan sijil serta anugerah pelajar terbaik kepada beberapa graduan bagi tahun 2022. - *Bernama*

TARIKH:
12 FEBRUARI 2023

HALAMAN:
4

ONLINE

Utusan MALAYSIA ☐
BERITA HARIAN ☐
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
NEW STRAITS TIMES ☐
南洋商報 NANYANG SIANG PAU ☐
東方日報 Oriental Daily News ☐
Utusan Borneo ☒
THE BORNEO POST ☐
NEW SABAH TIMES ☐

KKDW tekad pastikan tiada keciciran lepasan SPM: TPM

Ia merupakan sebahagian daripada tanggungjawab KKDW untuk membangunkan sosioekonomi masyarakat luar bandar

KUALA LUMPUR: Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) bertekad untuk memastikan tidak berlaku keciciran dalam kalangan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), terutama masyarakat luar bandar untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata ia merupakan sebahagian daripada tanggungjawab KKDW untuk membangunkan sosioekonomi masyarakat luar bandar.

"Kita (KKDW) perlu pastikan tiada sesiapa yang 'tercicir' (dalam pendidikan)," katanya ketika berucap pada Majlis Konvokesyen ke-19 Universiti Kuala Lumpur (UniKL) di Pusat Dagangan Dunia di sini, semalam.

Katanya beliau juga mahukan supaya pelajar institusi di bawah kementerian berkenaan khususnya dalam bidang berkaitan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET), diberi peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

> "Jangan ada prasangka bahawa mereka dianggap drop out atau tercicir dalam bidang akademik dan masuk ke bidang TVET ini, tiada peluang dan masa depan. UniKL telah membuktikan bahawa mereka adalah aset negara dan mampu untuk cemerlang."
>
> **Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi**
> *Timbalan Perdana Menteri*



KONVOKESYEN: Sekitar suasana Majlis Konvokesyen ke-19 Universiti Kuala Lumpur di Pusat Dagangan Dunia semalam. — Gambar Bernama

"Jangan ada prasangka bahawa mereka dianggap drop out atau tercicir dalam bidang akademik dan masuk ke bidang TVET ini, tiada peluang dan masa depan. UniKL telah membuktikan bahawa mereka adalah aset negara dan mampu untuk cemerlang," katanya.

Ahmad Zahid berkata pada masa ini, 280 alumni UniKL dari 2016 hingga tahun lepas bekerja di 24 negara, sekali gus membuktikan graduan UniKL diiktiraf dunia serta menyumbang kepada usaha kerajaan untuk melahirkan masyarakat berpendapatan tinggi daripada bidang TVET.



TAHNIAH: Ahmad Zahid menyampaikan Anugerah Canselor kepada pelajar jurusan Teknologi Kejuruteraan Maryam Farzana Mohamad Sokri pada Majlis Konvokesyen ke-19 Universiti Kuala Lumpur di Pusat Dagangan Dunia semalam. — Gambar Bernama

Pada Majlis Konvokesyen ke-19 UniKL yang bermula semalam hingga 14 Februari, beliau yang juga Pro Canselor UniKL menyampaikan ijazah doktor falsafah, sarjana, sarjana muda, diploma dan sijil serta anugerah pelajar terbaik kepada beberapa graduan bagi tahun 2022.

Majlis konvokesyen UniKL kali ini meraikan 5,834 graduan yang antaranya merangkumi 23 graduan ijazah doktor falsafah, 151 graduan ijazah sarjana, 4,299 graduan ijazah sarjana muda dan 1,360 graduan diploma.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah Datuk Rubiah Wang, Ketua Setiausaha KKDW Datuk Seri Ramlan Harun dan Presiden UniKL Datuk Dr Roziah Omar. — Bernama

TARIKH:
13 FEBRUARI 2023

HALAMAN:
2

ONLINE

Utusan Malaysia ☐
Berita Harian ☒
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 Nanyang Siang Pau ☐
東方日報 Oriental Daily News ☐
Utusan Borneo ☐
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐

22 program KKDW bakal lonjak ekonomi luar bandar

Empat tumpuan utama, inisiatif mampu bantu tingkat taraf hidup rakyat

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my



Ahmad Zahid bersama Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang hadir pada bengkel hala tuju strategik Kementerian Pembangunan Desa dan Wilayah di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

Kuala Lumpur: Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) akan melaksanakan 22 program meliputi pembangunan kemudahan dan modal insan, dalam usaha melonjakkan ekonomi luar bandar.

Melalui 22 program berkenaan, empat tumpuan utama digariskan, iaitu prasarana luar bandar, program modal insan, keusahawanan dan ekonomi.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata inisiatif '*quick win*' dan '*game changer*' itu antara lain menyasarkan untuk merapatkan jurang antara luar bandar dan bandar serta pinggir bandar.

"Ia juga bertujuan mewujudkan peluang pekerjaan dan perniagaan bagi menyekat migrasi penduduk luar bandar ke bandar. Bagi memastikan semua program mencapai sasaran, satu pasukan petugas akan diwujudkan, dipengerusikan Ketua Setiausaha KKDW, Datuk Seri Ramlan Harun.

"Kita tahu kementerian ini diberikan bajet antara yang terbesar dan ukuran terhadap kepuasan dilihat dari segi hasil dan keputusan, namun kita ambil langkah ke hadapan (dengan turut meneliti) keberkesanan program yang dilaksanakan," katanya

Menjelaskan demikian pada sidang media bengkel dan hala tuju strategik KKDW, di sini semalam, Ahmad Zahid berkata, kerajaan berhasrat merapatkan jurang di antara luar bandar dan bandar atau pinggir bandar.

"Kita juga berhasrat supaya tidak berlaku migrasi atau perpindahan, terutama secara mobiliti sosial horizontal kerana tiada banyak peluang pekerjaan dan perniagaan di luar bandar. Maka kita mesti wujudkan peluang itu untuk menjadikan penduduk luar bandar sebagai usahawan.

"Kita mesti turut melaksanakan beberapa perubahan lain dengan menggunakan tenaga tempatan untuk majukan luar bandar. Kita nak orang luar bandar sendiri yang majukan luar bandar, manakala kementerian dan agensi menjadi pemudah cara kepada transformasi yang telah kita mulakan," katanya.

Mengenai inti pati program yang akan dilaksanakan, beliau memaklumkan, KKDW akan fokus kepada Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) bagi mewujudkan peluang pekerjaan baharu dalam bidang teknikal kepada anak desa.

Lahir usahawan inovatif

Selain itu, katanya, kementerian akan melahirkan usahawan menggunakan sumber tempatan yang bukan tertumpu pada penghasilan produk semata-mata, tapi turut meneroka bidang tertentu seperti pengilang peralatan asal (OEM) serta industri huluan dan hiliran.

"Kita juga menggalakkan swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan korporat untuk bekerjasama dengan kita, terutama bagi meningkatkan penghasilan dalam keselamatan makanan," katanya.

Berhubung pendekatan bagi menghentikan migrasi penduduk luar bandar ke bandar, Ahmad Zahid berkata, KKDW melihat tiga strategi, iaitu mencipta peluang pekerjaan, mewujudkan industri baharu dan meneroka sebarang peluang baharu di kawasan desa.

Katanya, pendekatan membangunkan ekonomi luar bandar itu terbukti di beberapa negara, yang menjadikan ekonomi luar bandar sebagai tulang belakang ekonomi negara berkenaan.

"Kita juga mentransformasi anak luar bandar untuk memasuki bidang pembaikan dan baik pulih (MRO) penerbangan. MRO mungkin tak boleh bawa ke luar bandar, tapi tak mustahil sistem vendor itu boleh dibuat di luar bandar.

'Kita juga meneliti usaha menghasilkan produk makanan di bawah harga pasaran, antaranya dengan pendekatan menjadi pelengkap kepada industri, berbanding bersaing dengan industri sedia ada," katanya.

TARIKH:
13 FEBRUARI 2023

HALAMAN:
6

ONLINE

Guang Ming Daily

Utusan Malaysia ☐
Berita Harian ☐
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 ☐
東方日報 ☐
Utusan Borneo ☐
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐

Rural transformation helps villagers become entrepreneurs, focusing on infrastructure, manpower, entrepreneurship, and economy

聚焦基設人力創業經濟

鄉村轉型助村民成企業家

副首相兼乡村及区域发展部长拿督斯里阿末扎希说，该部聚焦4个重点，即乡村地区基础设施、人力资本、创业计划和经济领域，从而有效实施乡村转型。

他在部门工作坊主持开幕礼后召开记者会提及，该部已成立一支由部门秘书长领导的工作小组，并会时刻执行22项速赢项目和19项乡村发展转型计划。

他表示，乡村及区域发展部是获财政预算案拨款最多的部门之一；因此，他须规划乡村转型方向，以弥合乡村和城市地区之间的差距。

他声称，考量到乡村就业机会不多，该部采取各项措施，以创造就业机会，并有效使用乡村的能源发展，让乡村子民能成为企业家。（TKM）

TARIKH:
13 FEBRUARI 2023
HALAMAN:
4
ONLINE

Utusan Malaysia ☐
Berita Harian ☐
Metro ☐
Kosmo! X
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 ☐
東方日報 ☐
Utusan Borneo ☐
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐



AHMAD ZAHID (depan, tengah) bergambar bersama peserta Bengkel Hala Tuju Strategik Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah 2023 di Kuala Lumpur semalam. – MUHAMAD IQBAL ROSLI

4 fokus transformasi luar bandar

KUALA LUMPUR – Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) menggariskan empat fokus utama bagi transformasi luar bandar.

Menterinya, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata, kementerian itu memberi penekanan dari segi prasarana di luar bandar, program modal insan, program keusahawanan dan juga ekonomi.

Katanya, daripada keempat-empat bidang fungsi itu juga, KKDW akan melakukan 22 program dan juga 19 perancangan perubahan bagi perkembangan luar bandar.

"Apabila kementerian ini dijenamakan semula oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, tentunya beliau mempunyai jangkaan yang tinggi dari segi pencapaian untuk kita tuju ke arah memberikan kepuasan kepada kumpulan sasaran iaitu masyarakat desa.

"Justeru, saya akan mengumumkan dari semasa ke semasa mengenai 22 program *quick wins* dan 19 *game changers* itu. Apa yang penting bukanlah pengumuman, sebaliknya pelaksanaan dan kita mesti lakukan tindakan susulan terhadap semua saranan yang dibincangkan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Bengkel Hala Tuju Strategik Kementerian Pembangunan Desa dan Wilayah di sini semalam.

Ahmad Zahid yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata, langkah itu diambil berikutan pihaknya sedar kementerian itu selama ini diberikan bajet antara yang terbesar dan ukuran terhadap kepuasan dilihat dari segi penghasilannya.

"KKDW juga berhasrat untuk merapatkan jurang perbezaan antara luar bandar dan bandar atau pinggir bandar.

"Kita berhasrat supaya tidak berlaku apa yang dipanggil sebagai migrasi atau perpindahan, sama ada secara mobiliti sosial mendatar kerana tiada banyak peluang pekerjaan dan peluang perniagaan," ujarnya.

Dalam pada itu, Ahmad Zahid berkata, kerajaan komited menambah baik tiga perkara bagi menangani fenomena migrasi dalam kalangan anak muda luar bandar iaitu mencipta pekerjaan, industridan peluang baharu.